


BERITA HARIAN

DATE: 2/12/2007

Pemimpin Hindraf keruhkan keadaan

BH- 2/12/2007

Majoriti rakyat mungkin bertindak balas: Najib



Ahmad Naim
Tahir
di Hong Kong

DATUK Seri Najib Razak memberi amaran kepada pemimpin Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf) bahawa tindakan mereka yang terus menggunakan pelbagai cara untuk mengeruhkan lagi keadaan yang dicituskan mereka sendiri boleh membangkitkan tindak balas daripada majoriti rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan pemimpin pertubuhan itu yang kini cuba menarik campur tangan negara asing selepas melakukan rusuhan, boleh menyebabkan tindakan balas daripada pihak yang tidak bersetuju dengan pendekatan mereka.

"Memang boleh berlaku (majoriti rakyat bertindak balas) jika mereka tak boleh terima apa yang dibuat Hindraf ini. Jika ini berlaku (tindakan balas), sudah tentu ia akan panaskan lagi keadaan dalaman negara kita.

"Saya kesal dengan tindakan ketua Hindraf ini kerana apa yang dibangkitkan mereka adalah isu dalaman, tetapi cuba dijadikan isu antarabangsa. Jelas sekali, mereka ada motif

politik untuk mengeruhkan lagi keadaan dan ia tak membantu membentuk imej kita pada peringkat antarabangsa," katanya.

Bercakap kepada media Malaysia dalam rangka lawatan kerja ke sini semalam, Najib berkata, tindakan Hindraf membawa isu berkenaan ke peringkat antarabangsa boleh menjejaskan imej Malaysia dan memerlukan kerajaan memberi penjelasan kepada masyarakat antarabangsa.

Beliau berada di Hong Kong untuk bertemu lebih 30 pengurus dana pelaburan dan lindung nilai terbesar dunia melalui lima sesi tertutup, sebelum melakukan kunjungan hormat ke atas Ketua Eksekutif Hong Kong, Donald Tsang, kelmarin.

Beliau yang diiringi isteri, Datin

“Saya kesal dengan tindakan ketua Hindraf ini kerana apa yang dibangkitkan mereka adalah isu dalaman, tetapi cuba dijadikan isu antarabangsa”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

Seri Rosmah Mansor juga menghadiri majlis pertemuan dengan rakyat Malaysia serta jamuan makan malam bersama peneraju sektor industri di Hong Kong dan dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur, pagi ini.

Najib mengulas tindakan Pengerusi Hindraf, P Waythamoorthy yang kini cuba mendapatkan sokongan antarabangsa untuk membantu masyarakat India di Malaysia yang didakwa terpinggir dan tertindas.

Penasihat Undang-undang pertubuhan itu, P Uthayakumar, dilaporkan berkata Waythamoorthy berlepas ke India, Rabu lalu sebelum singgah di Eropah dan Amerika Syarikat untuk bertemu pemimpin kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di negara berkenaan.

Mengenai langkah yang boleh diambil kerajaan bagi memastikan Hindraf berhenti daripada memburuk-burukkan kerajaan dan negara, beliau berkata, ia bergantung kepada apa yang dilakukan pemimpin pertubuhan itu sebelum kerajaan dapat melihat dan menyusun tindakan sewajarnya.

Katanya, undang-undang sedia ada cukup untuk membolehkan tindakan diambil terhadap pemimpin pertubuhan itu, tetapi ada pihak yang menunggu untuk mengeksploitasi apa juga tindakan yang diambil kerajaan, termasuk penggunaan Akta Kesela-



TEGAS: Najib menjawab pertanyaan ketika sidang media, semalam.

matan Dalam Negeri (ISA).

"Mereka (pemimpin Hindraf) nampak seperti tidak peduli dengan penjelasan yang kita berikan.. seolah-olah mahu kerajaan gunakan ISA. Kalau ISA digunakan, ia menunjukkan ketegasan kita ketegasan seperti dikehendaki banyak pihak.

"Bagaimanapun, pada masa sama kita juga ambil kira ia akan turut

dijadikan isu pada peringkat antarabangsa," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Ahli Parlimen Cameron Highlands, S Devamani yang dijadualkan esok, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau akan mendengar apa yang hendak diperjelaskan pemimpin MIC itu serta meneliti hansard kenyataannya di Parlimen.

BERNAMA